

BAB 2

LATAR BELAKANG KAMPUNG CINA

Kampung Cina, sebuah petempatan kecil di bahagian barat Kota Bharu, Kelantan, merupakan kawasan yang dipilih untuk tujuan penyelidikan empirikal Konfusianisme. Kampung Cina dipilih kerana ia merupakan salah satu petempatan orang Cina yang paling awal diduduki oleh penghijrah Cina di Tanah Melayu.

Umumnya, penghijrahan orang Cina secara besar-besaran dari Tanah Besar China ke Asia Tenggara (termasuk Tanah Melayu) berlaku sekitar lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20 iaitu apabila ekonomi Asia Tenggara mengalami perkembangan yang pesat (Gu Hongting, 1994: 8; Wu Fengbin, 1993: 588-593; Zhu Guohong, 1994: 134). Akan tetapi, penetapan orang Cina di Kampung Cina berlaku jauh lebih awal lagi. Pada hari ini sejarah Kampung Cina masih boleh dikesani melalui Tokong Mazu yang didirikan pada tahun 1790 (JHZJ, 1992) di Kampung Cina (lihat Gambar 4 pada Lampiran 4.1).

Penetapan orang Cina di Kampung Cina dipercayai lebih awal lagi daripada tahun 1790, akan tetapi, tiada apa-apa rekod bertulis yang mencatat tentang sejarah awal kewujudan Kampung Cina ini atau bagaimana ia boleh dikembangkan sehingga menjadi sebuah pusat perniagaan dan pelabuhan yang terkenal di Kelantan suatu ketika dahulu iaitu sebelum pendirian Kota Bharu pada tahun 1844.

2.1 Asal-usul Orang Cina di Kampung Cina

Oleh kerana ketiadaan rekod awal berkenaan Kampung Cina, maka jalan lain terpaksa dicari, iaitu meneliti sumber asli yang lain, contohnya catatan awal kedatangan orang Cina ke Kelantan. Catatan awal ini walaupun tidak menyentuh nama Kampung Cina di Kelantan, tetapi gambaran kasar tentang kehadiran dan penetapan orang Cina di Kelantan yang ditunjukkan mungkin melibatkan juga kawasan Kampung Cina tetapi hanya tidak disebut atau tidak diberi perhatian oleh pengembara asing.

2.1.1 Kedatangan Awal Orang Cina ke Kelantan

Hubungan negara China dengan Tanah Melayu memang boleh dikesani sejak berzaman-zaman dahulu lagi, akan tetapi gambaran yang lebih jelas berkenaan hubungan ini hanya diperolehi dengan adanya rekod asing, terutamanya tulisan pelawat dan pedagang Cina yang dihasilkan setelah mereka melawat ke Asia Tenggara. Dikatakan Tanah Melayu berperanan sebagai kawasan persinggahan kapal pelayaran antara negara China dengan India sejak abad ke-3 SM lagi (Liu Dihui, Li Huiliang, Gao Jinrong & Zhou Guangjing, 1989: 83). Bagi Rentse, pengunjungan orang Cina ke Kelantan mungkin berlaku sejauh 2000 tahun dahulu lagi:

“Kelantan may have been an important state before the time of Siam invasion. Trade routes passed it’s shores and possibly trades anchored at the river mouth to refill their stores before crossing the Gulf of Siam towards Cambodia on their way to China. The country may have been of important as trading centre more than 2000 years ago.” (Anker Rentse, 1934: 55)

Walau bagaimanapun, selewat abad ke-13, iaitu pada tahun 1225, barulah nama “吉兰丹” (Jilandan iaitu Kelantan) buat pertama kalinya disebut oleh Chao Ju Kua (Zhao Rushi 赵汝适) yang berasal dari dinasti Song di dalam tulisannya *Zhufanzhi* 诸番志 (Catatan Orang-orang Tidak Bertamadun). Chao Ju Kua menyebut bahawa Kelantan bersama Pengfeng 蓬丰 (Pengheng 彭亨 iaitu Pahang), Dengyanong 登牙侬 (Dingjianu 丁加奴 iaitu Terengganu) merupakan kawasan-kawasan taklukan Sanfoqi 三佛齐 (Srivijaya), di mana Sanfoqi ialah satu empayar yang beribu kota di Palembang, Sumatera.

Pada abad ke-13, nama Jilandan seringkali mengalami perubahan (Wee Khoon Hock, 1964: 36). Ia digelar Jilanyi·ai 急兰亦碍 pada tahun 1283 (*Yuanshi* 元史 [Teks Sejarah Yuan], Bahagian 210: “Maba·er” “马八儿” [Biografi Negara Mabaer]) atau Jilanyidai 急兰亦带 pada tahun 1286 (*Xinyuanshi* 新元史 [Teks Sejarah Yuan Baru], Bahagian 11: “Shizuzhuan” “世祖传” [Biografi Shizu]).

Pada tahun 1293, nama Jilandan kembali ke pentas sejarah di mana dalam *Daoyi Zhilue* 岛夷志略 (Catatan Ringkas Orang-orang Asing di Pulau-pulau) yang ditulis oleh Wang Dayuan 汪大渊 pada tahun 1349, keadaan Kelantan pada 700 tahun dahulu telah diuraikan dengan terperinci. Wang Dayuan dalam tulisannya menggambarkan Kelantan pada masa itu walaupun mempunyai tanah luas, tetapi gunungnya tidak subur dan tapak pertanian tidak banyak (地势博大，山瘠而田少。). Cuaca di situ panas dan adat resamnya mementingkan peradaban tatasusila (夏热而倍收，气候平热。风俗尚礼……). Terdapatnya ketua pemerintah di situ, juga terdapat banyak hasil tempatan seperti pinang dan rempah-ratus (……有酋长。地产上等沉述，粗降真香，……槟榔。). Di samping itu, juga adanya pelabuhan kecil, airnya dalam serta masin, dan ikannya besar serta banyak (外有小港，索迁极深，水咸鱼美。).

Akan tetapi, Wang Dayuan tidak sebut tentang sebarang kewujudan orang Cina di Kelantan pada sekitar pertengahan abad ke-14. Orang Cina yang dijumpai Wang Dayuan menetap di Longyamen 龙牙门 (Temasek, nama lama Singapura) (Lim Chooi Kwa & Loh Cheng Sun, 1984: 2) dan Boni 沙泥 (utara Kalimantan) (Zhu Guohong, 1994: 81). Di Longyamen, Wang Dayuan menceritakan orang Cina di situ ada lelaki dan perempuan, kebanyakannya daripada mereka mengikat rambut dan memakai baju pendek (男女兼中国人居之，多椎髻穿短布衫。).

Setibanya dinasti Ming, orang Cina yang menetap di luar Tanah Besar China sudah meningkat bilangannya. *Mingshi* 明史 (Teks Sejarah Ming) mencatatkan terdapatnya orang Cina menetap di Filipina, Brunei, Palembang, Boni, Majapahit dan lain-lain tempat lagi (Zhu Guohong, 1994: 82-83). Penghijrah Cina dalam dinasti Ming pada keseluruhannya berasal dari wilayah Kwangtung (Guangdong 广东) dan Fukien. Di Fukien, orang Zhangzhou dan orang Quanzhou 泉州 yang terdiri daripada orang Hokkien paling ramai berhijrah dari kampung halaman mereka (Zhu Guohong, 1994: 83 & 89).

Kerajaan Ming pada peringkat awal menjalani dasar tutup pintu menyebabkan penghijrah orang Cina ke luar mengalami sekatan. Akan tetapi apabila Ming Chengzu 明成祖 (mp 1403-1424) menaiki takhta, keadaan pulih kembali di mana semasa pemerintahan Chengzu, Renzong 仁宗 (mp 1425) dan Xuanzong 宣宗 (mp 1426-1435), seorang diplomat bernama Cheng Ho (Zheng He 郑和: 1371-1433) diarah untuk membawa utusan ke luar negara sebanyak 7 kali, iaitu masing-masing pada tahun 1405, 1407, 1409, 1413, 1417, 1421 dan 1431 (Wang Gung Wu, 1994: 70). Antaranya, Cheng Ho telah melawat ke Jawa, Chenla, Siam, Majapahit, Sumatera,

Melaka, Kelantan dan lain-lain tempat, kesemuanya lebih daripada 30 buah negara (*Mingshi*: “Zhenghezhuan” “郑和传” [Biografi Cheng Ho]).

Pada masa Cheng Ho sampai ke Melaka, sudah terdapat orang Cina menetap di situ (Zhu Guohong, 1994: 116). Pengikutnya Fei Xin 费信 dalam bukunya *Xingcha Shenglan* 星槎胜览 menggambarkan lelaki dan perempuan di Melaka semuanya mengikat rambut dan berkulit hitam, antaranya mereka yang berkulit putih itu ialah orang Cina (男女椎髻，身肤黑漆，间有白者，唐人种也。) (*Xingcha Shenglan*: “Manlajiaguo” “满刺加国”).

Menurut Wee Khoon Hock (1964: 37), semasa Cheng Ho tiba di Kelantan, Siam berada pada zaman keemasannya di mana banyak negara di rantau Asia Tenggara tunduk kepadanya untuk mendapat perlindungan. Kelantan tidak terkecuali daripada hal ini turut menghantar bunga emas ke Siam sebagai tanda penghormatan. Hubungan Siam dengan Kelantan sentiasa berada dalam keadaan aman damai menyediakan asas yang baik bagi orang Cina berulang-alik di antara dua tempat ini.

Pada zaman dinasti Ming, pelabuhan yang terbesar di utara Tanah Melayu terletak di Tani (Dani 大泥, Patani hari ini). Tani merupakan negara yang dibina oleh orang Melayu di mana Kelantan terletak di bawah penguasaan Tani. Apabila orang Portugis menakluki Melaka pada tahun 1511, pusat perniagaan orang Cina di Melaka telah dipindah ke Tani. Sejak itu, kapal-kapal peniaga Cina sentiasa berlabuh di Tani (Lin Yuanhui & Zhang Yinglong, 1991: 86).

Zhang Xie 张燮, seorang Cina dinasti Ming dalam tulisannya *Dongxiyangkao* 东西洋考 (Perihal Laut Timur dan Barat), Bahagian “Dani [Fu Jilandan] Tiao” “大泥 [附吉兰丹] 条” (Biografi Tani [bersama Kelantan]), menceritakan keadaan

berniaga orang Cina di Tani yang tidak dikenakan bayaran cukai impot berbanding dengan peniaga barat (货卖彼国，不敢征税，惟与红毛售货，则湖丝百金，税红毛五斤。). Zhang Xie juga menggambarkan kepadatan orang Cina di Tani yang tinggi sekali sehingga bila berjalan akan terlanggar antara satu sama lain (华人流寓甚多，趾相踵也。).

Selain itu, Zhang Xie menyentuh tentang kewujudan Kelantan sebagai pengkalan yang penting kepada Tani pada masa itu. Antaranya peniaga yang ingin berdagang di Tani akan melabuhkan kapal mereka di pengkalan di Kelantan atas sebab kemudahan jalan pengangkutan air. Jika orang Cina ingin melombong emas di kawasan Ulusai (Yaluoshuai 阿罗帅)¹⁶ di Tani, didapati perjalanan yang bermula dari pelabuhan Kelantan akan menjimatkan masa selama beberapa hari berbanding dengan pelabuhan di Tani sendiri (Lin Yuanhui & Zhang Yunlong, 1991: 86).¹⁷

Dari segi lokasi geografi, Kelantan terletak di bahagian tenggara Tani, jarak antara dua kawasan ini ialah 80 batu, perjalanan air dengan menggunakan kapal layar mengambil masa selama satu hari (Wee Khoon Hock, 1964: 37). Kedua-dua tempat ini tidak dihalang oleh gunung-ganang menyenangkan lagi interaksi penduduk di kedua-dua kawasan ini (Wee Khoon Hock, 1964: 37).

¹⁶ Ulusai ialah sebuah kawasan tanah tinggi di sempadan Kelantan dengan Siam (Wee Khoon Hock, 1992: 88).

¹⁷ Dalam tulisan Zhang Xie, kesilapan yang dibuat olehnya ialah menyamakan Tani dengan Boni Lama (古泐泥). Menurut banyak pengkaji, Boni terletak di utara Kalimantan iaitu di Brunei dan bukannya Patani hari ini (Lin Yuanhui & Zhang Yunlong, 1991: 60-61).

2.1.2 Penetapan Orang Cina di Kelantan

Ekoran daripada hubungan Tani dan Kelantan yang begitu rapat, maka terbentuknya satu teori bahawa sebahagian besar daripada orang Cina di Kelantan, terutamanya mereka yang menetap di tebing Sungai Kelantan ialah keturunan orang Cina Patani yang berpindah ke Kelantan (Hanafi Dollah, 1979: 55).

Perpindahan orang Cina dari Patani ke Kelantan dianggarkan berlaku dalam abad ke-17 dan abad ke-18. Faktor utama penghijrahan mereka ke Kelantan sering dikaitkan dengan kekacauan dan huru-hara yang berlaku di Patani dalam tempoh masa di atas, iaitu perbalahan yang sentiasa berlaku antara orang Melayu Patani dengan orang Siam (Chua Hian Chong, 1991: 30).¹⁸

Teori ini mengatakan orang Cina Patani berhijrah melalui Legeh (pekan kecil di sempadan Patani dan Kelantan) dengan mengikuti Sungai Pergau dan terus ke Sungai Kelantan (Chua Hian Chong, 1991: 30).¹⁹ Dengan itu, tidak hairanlah bahawa orang Cina dari Patani dapat masuk ke Kelantan dengan senang dan cepat. Kesimpulannya, teori bahawa terdapatnya orang Cina Kelantan yang berasal dari Patani memang boleh dipertimbangkan.

Sebagai tambahan (Wee Khoon Hock, 1964: 44-45; Wee Khoon Hock, 1987: 226), sebuah pekan kecil Tomok yang terletak dalam kawasan Legeh didiami oleh

¹⁸ Fakta ini dirujuk oleh Chua Hian Chong daripada Barisan Nasional. Pembebasan Patani. Suara Siswa Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Jilid 12. No.2. 1970: 47-49.

¹⁹ Wee Khoon Hock dalam artikelnya "Kelantan and the Chinese Kelantanese" (1987: 223) menyatakan pada tahun 20-an dan 30-an, terdapatnya orang tua yang pernah menyebut bahawa orang Hokkien Kelantan berasal dari Patani.

bilangan orang Cina yang ramai sejak dulu lagi (tahun permulaannya tidak dapat dikesani), dan Kapitan dilantik untuk mengendalikan hal-hal orang Cina di situ. Kapitan yang ketiga atau yang terakhir ialah Lim Keh Beng (Lin Qiming 林 启 明). Beliau dilantik pada tahun 1895 dan meninggal dunia pada tahun 1939 di rumahnya di Kampung Cina (rumah ini masih ada di Kampung Cina hari ini).

Keadaan sebenar orang Cina di Kelantan tidak diketahui sehingga salah kedatangan Hsieh Ching Kao (Xie Qinggao 谢 清 高) ke Kelantan dalam siri lawatannya ke negara-negara Asia, Eropah dan Amerika. Siri lawatannya berlangsung dari tahun 1782 ke tahun 1795, iaitu pada lewat abad ke-18 (M. W. F. Tweedie, 1953: 216). Dengan adanya usaha bersama oleh Hsieh Ching Kao (pencerita) dan Yang Bingnan 杨炳南 (pencatat), maka terhasilnya sebuah tulisan penting yang dipanggil “Hailu” “海录” (Catatan Laut).

“Hailu” secara jelasnya memaklumkan bahawa orang Cina di Kelantan terbahagi kepada dua kategori yang besar. Golongan orang Hokkien (闽人) menetap di sekitar pengkalan di kuala Sungai Kelantan, mereka memberi tumpuan pada perniagaan dan penanaman lada hitam, gambir dan sebagainya manakala golongan orang Kantonis (粤人) yang terdiri daripada puak Keh (客) mengusahakan kegiatan melombong emas di kawasan hulu sungai di Galas (Yalading 呀喇顶)²⁰ (sila lihat Peta 1 pada Lampiran 4.1) dan Sukor (Shuangge 双戈).

²⁰ Dari manakah datangnya orang Cina di Galas? Menurut Nik Hassan Shuhaimi (1986: 3), negeri Kelantan boleh dihubungi oleh negeri-negeri jirannya seperti Kedah, Perak, Pahang dan Perlis melalui jalan darat dan jalan air. Sebagai contoh, dari kuala Sungai Kelantan, seorang pengembara boleh mengembara ke Pahang melalui Sungai Lebir, Sungai Galas dan Sungai Nenggiri. Dari sini, melalui Sungai Tembeling dan Sungai Jelai ia akan sampai ke kuala Sungai Pahang. Dengan itu, terdapat pandangan bahawa orang Cina di Pulai (Galas) mungkin datang dari Pahang yang berdekatan dengannya. Dalam tulisan Cui Guiqiang 崔贵强 (1976: 11), seorang tua juga memberitahu Cui Guiqiang bahawa kedatangan awal orang Cina ke Pulai bukan melalui Sungai Kelantan, tetapi memudiki Sungai Pahang dan sampai ke Pulai.

Hsieh Ching Kao telah mengisahkan perjalanan air ke kawasan pedalaman Kelantan yang rumit dan membahayakan: “Dari pengkalan di kuala sungai memudiki ke kawasan pedalaman, seseorang jika mengikut arah selatan selama dua hari, akan bertemu dengan sungai kecil di bahagian barat yang kemudiannya akan sampai ke Tani dan Ulusai. Jika terus belayar ke selatan lagi selama sehari, akan bertemu pula dengan Sungai Sukor (Shuanggeshui 双 戈 水). Teruskan lagi perjalanan ke arah selatan selama lebih daripada 10 hari lagi, maka baru akan sampai ke Galas di Pulai yang menghasilkan emas.”

Pulai ialah sebuah kawasan petempatan awal orang Cina di Kelantan (S. M. Middlebrook, 1933: 151). Dikatakan kegiatan awal yang utama bagi orang Cina di sini adalah melombong emas. Dialek dan bahasa yang mereka gunakan ialah dialek Kheh dan bahasa Cina.

Sharon A. Carstens (1980: 50) setelah menjalani kajian di Pulai (berjarak 9 km dari Gua Musang) pada tahun 1978, membuat rumusan berdasarkan “Hailu” bahawa sejarah kedatangan orang Cina ke Pulai ialah selewat akhir abad ke-18. Walaupun demikian, dalam abad ke-18, didapati orang Cina Galas telah melibatkan diri dalam perperangan yang tercetus antara negeri Terengganu dengan Kelantan akibat perebutan takhta pemerintahan di Kelantan.

Dalam Hikayat Sri Kelantan ada menyebut bahawa Long Muhammad (kemudiannya Sultan Muhammad I, [mp] 1800-1837), iaitu anak Long Yunus (1763-1794) hampir tewas dalam perperangan dengan negeri Terengganu dan baginda telah mendapat bantuan daripada orang Cina di Galas, akhirnya Long Muhammad berjaya merebut kembali takhta pemerintahan Kelantan di bawah bantuan orang Cina Galas (Anker Rentse, 1934: 57).

Pada awal tahun 1830-an pula, komuniti Cina di Galas terlibat lagi di dalam perebutan takhta dalaman kerajaan Kelantan. Dalam perebutan ini, Raja Bendahara (Long Jenal) mendapat bantuan orang Cina di sini untuk membunuh Long Tan (Long Tan dan Long Jenal ialah anak kepada Long Yunus), iaitu ayah kepada Long Senik yang menjadi Sultan Kelantan kemudian (sila lihat Rajah 4 pada Lampiran 5).

Long Tan telah dibunuh oleh orang Cina di Galas semasa beliau menjalani tugas memungut cukai di situ. Puteranya Long Senik (Sultan Muhammad II atau Sultan Mulut Merah, [mp] 1837-1886) bangun menuntut bela ke atas kematian ayahnya (W. A. Graham, 1908: 44). Orang Cina Galas ditangkap dan dijatuhkan hukuman bunuh seperti yang disebut dalam Hikayat Sri Kelantan. Dalam peristiwa itu, Long Senik membunuh setiap orang Cina di situ, mayat mereka dihanyut ke dalam Sungai Kelantan, ekorannya, air Sungai Kelantan menjadi merah dan tidak dapat diguna selama 3 bulan. Hikayat Kelantan ada mencatatkan:

"Diambil semuanya Cina durhaka itu ditambat dua-dua satu. Berapa Cina kena tangkak, bawa hilir serta periksa, dibunuh habis Cina itu hingga ikan dalam sungai tidak boleh hendak makan sebab banyak bertemu kuku di dalam perut ikan itu." (Mohd. Taib Osman, 1961: 112)

Sejak berlakunya peristiwa itu, orang Cina Galas tidak lagi melibatkan diri dalam sejarah pemerintahan traditional Kelantan. Mereka juga dikatakan tidak lagi menerokai kawasan perhutanan di tempat tersebut. Pada penghujung abad ke-19 atau awal abad ke-20, penduduk Cina di sini semakin berkurangan dan aktiviti ekonomi mereka juga ditukar dari bidang perlombongan kepada pertanian (Hanafi Dollah, 1979: 55). Kesan ini boleh dilihat sehingga hari ini kerana Pulai hari ini dipandang sebuah kawasan terpencil dan penduduk Cinanya juga berkurangan (Lin Yuanhui & Zhang Yunlong, 1991: 88).

Selain daripada kawasan Galas menjadi petempatan awal orang Cina di Kelantan, didapati orang Cina juga menetap di sepanjang pinggir Sungai Kelantan. Salah satu bukti untuk menunjukkan kewujudan mereka ini ialah Tokong Mek yang didirikan oleh Lim Po Hsien (Lin Boxian 林伯显) di Ketereh, Kelantan.

Asal-usul Tokong Mek ini bermula dengan Lim Po Hsien yang berasal dari Zhangzhou, Fukien, bertemu dengan angin kuat dalam perjalanan pelayarannya ke Nanyang 南洋 pada tahun 1727 (Wee Khoon Hock, 1964: 42; Tan Chee Beng, 1982: 39-42). Beliau akhirnya dapat selamatkan diri daripada ditelan ombak dan mendarat di Pantai Bachok bersama patung Mazu²¹ yang beliau bawa dari kampung halamannya.

Patung Mazu ini kemudiannya disembah oleh Lim Po Hsien dalam sebuah tokong kecil di suatu tempat bernama “Chiaka” (Chijiao 赤脚) di Ketereh. Sejak itu, Tokong Mazu ini menjadi terkenal dan orang Cina dari seluruh pelusuk di Kelantan mengunjungi tokong ini untuk memberi penyembahan. Keadaan ini berterusan sehingga pembinaan Tokong Mazu di Kampung Cina pada tahun 1790 (Wee Khoon Hock, 1964: 43).

Di Kampung Cina di kuala Sungai Kelantan, Tokong Mazu dibina memandangkan orang Cina di situ semakin hari semakin ramai dan mereka menghadapi kesukaran menyeberangi sungai untuk bersembahyang di Tokong Mek di

²¹ Dewi Mazu juga digelar Tianhou 天后 iaitu ertiinya *The Queen of Heaven* di mana “*Tian Hou is believed to be a water spirit. She is also known as the Holy Mother, the Lady-in-Waiting to Heaven and the Jade Empress who Relieves the Sufferings of the People. According to one source, the Queen of the Heaven was born during the Song dynasty to a Fujian sailor named Lin Yuan. One day, she dreamed that she saw her father’s junk caught in a storm and in danger of capsizing. She immediately changed herself into a water spirit and saved him. She died very young, but her spirit was often seen skimming the waves by sailors. During the Ming dynasty, she was deified as Tian Fei and not long later, a temple was built in her honour.*” (Evelyn Lip, 1986: 31) Berkenaan asal-usul Dewi Mazu yang lain, boleh juga rujuk Jonathan Chamberlain, 1988: 90-95.

Ketereh yang agak jauh (Wee Khoon Hock, 1964: 43). Jelasnya, penetapan orang Cina di Kampung Cina sudah pasti jauh lebih awal daripada tahun 1790, akan tetapi ia seharusnya lebih lewat dari tahun 1727 iaitu selepas Lim Po Hsien mendarat di Kelantan. Menurut Cui Guiqiang (1976: 14), semasa zaman Qianlong 乾隆 (mp 1736-1795), orang Hokkien telah menetap di kawasan yang kemudiannya dipanggil Kampung Cina itu.

Kampung Cina sebelum mendapat nama tersebut dikenali dengan berbagai nama seperti Kampung Nik Mek dan Kampung Paman (Chua Hian Chong, 1991: 34). Kemunculan nama Kampung Cina sudah pastinya terhasil kerana tumpuan orang Cina yang ramai di situ.

Semasa Hsieh Ching Kao tiba di pengkalan (撣头) di kuala Sungai Kelantan yang ditadbir oleh seorang raja, beliau telah melihat ramai orang Cina Hokkien berada di situ menjalani aktiviti perniagaan dan penanaman (Hsieh Ching Kao, “Hailu”). Kedudukan sebenar lokasi pengkalan yang menjadi tapak pemerintahan raja itu tidak dapat dipastikan, tetapi jelasnya ia berada di kawasan sekitar kuala Sungai Kelantan.

Menurut Wee Khoon Hock (1964: 41), orang Cina di kuala sungai telah membentuk perkampungan sendiri yang kemudiannya dipanggil Kampung Cina. Petempatan ini seharusnya bermula sebelum Tokong Mazu dibina pada tahun 1790 lagi. Pada awal abad ke-19, Kampung Cina muncul sebagai pusat perniagaan dan pengkalan pelabuhan yang terpenting di Kelantan. Selama satu abad, Kampung Cina mencapai zaman kegemilangannya (J. Waterstradt, 1903: 1-2; W. A. Graham, 1908: 28-29) terutamanya sebelum pembukaan Kota Bharu oleh Sultan Mulut Merah pada tahun 1844 (Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1984: 92).

Kampung Cina pada masa dahulu dibahagikan kepada dua bahagian, yakni kawasan hulu (上 区 atau *upper* Kampung Cina) yang berdekatan Sungai Keladi dan kawasan hilir (下 区 atau *lower* Kampung Cina) yang menghala ke kuala Sungai Kelantan. Pada tahun 1823, dua orang Kapitan Cina dilantik oleh Sultan Muhammad I bagi mentadbirkan orang Cina di Kampung Cina. Kapitan Gan Chu Li (Yan Zhuli 颜 珠 离) (1798-1843) (Xie Tianping, 1979: 116) (juga lihat Lampiran 2.2.1) dilantik untuk menjaga kawasan hulu manakala Kapitan Wee Chai diberi kuasa untuk memerintah bahagian hilir. Perlantikan kedua-dua orang Kapitan ini menandakan bilangan orang Cina telah bertambah sehingga satu jumlah yang besar dan kedudukan Kampung Cina semakin hari semakin penting di Kelantan.

Selain daripada catatan Hsieh Ching Kao, sejarah Kampung Cina yang lebih lengkap boleh dikesani bermula dari zaman Wee Chai dan Gan Chu Li. Papan nenek moyang Wee Chai terutamanya telah memberi maklumat penting seperti dari mana beliau datang, bila beliau datang, mengapa beliau datang, sumbangannya di tempat asing ini, tahun kelahirannya, tahun kematiannya serta tempat pengebumian dan sebagainya (lihat Lampiran 2.1.1).

Kedua-dua orang Kapitan ini bersama keturunan mereka boleh dikatakan telah membentuk sebahagian daripada sejarah Kampung Cina kerana keluarga mereka, terutamanya keluarga keturunan Wee Chai telah banyak menyumbang untuk membangunkan Kampung Cina dari pelbagai segi terutamanya pada bidang pendidikan Cina (aspek pendidikan ini akan dibincang kemudian).

2.2 Sistem Pemerintahan Kapitan Cina di Kampung Cina

Istilah “Kapitan” bukan suatu perkataan yang asing dalam masyarakat Cina Malaysia. Ini kerana nama Kapitan Yap Ah Loy (Ye Yalai 叶 亚 来) (1837-1885) memang terkenal di kalangan masyarakat Cina atas usahanya memajukan Kuala Lumpur (Li Yelin, 1997: 133, 144 & 276). Akan tetapi, adakah kita ketahui bahawa di samping Yap Ah Loy, masih terdapat Kapitan lain yang juga telah menyumbang untuk memajukan masyarakat pada zaman mereka?

2.2.1 Sistem Pemerintahan Kapitan

“Kapitan” di Tanah Melayu merujuk “ketua orang Cina” (M. W. F. Tweedie, 1953: 218). Huang Cunshen 黄 存 祖 (1965: 1) mengatakan: “Kapitan merupakan ketua sesuatu bangsa di tempat asing yang mendapat pengiktirafan ramai. Kadang-kadang, Kapitan ini bertanggungjawab atas bidang-bidang tertentu. Secara amnya, kerajaan tempatan akan memberinya kuasa perlaksanaan, kuasa pentadbiran dan kuasa kehakiman yang tertentu, kuasa-kuasa ini boleh dikenakan ke atas bangsa sendiri, dan Kapitan akan menjadi jambatan bagi menghubungkan orang-orangnya dengan pihak kerajaan.”

Kuasa perlaksanaan dan kuasa pentadbiran yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

- (1) *To deal with all matters concerning religion, traditions, custom, ceremonies etc. among the Chinese.* (2) *To imposes taxes on behalf of the government, and to keep a register on births, death, marriage, and new arrivals in his area.* (3) *They were given the rights to deal in opium, liquor, gold and even gambling.* (4) *To be held responsible on any action by the people in his area.* (Wee Khoon Hock, 1987: 227)

Bagi kuasa kehakiman pula, ia adalah seperti yang diuraikan berikut:

(1) *To be a mediator in dispute among the Chinese in his area.* (2) *To act with the power of a magistrate on all disputes among the Chinese in his area, even to impose fine and imprisonment.* (Wee Khoon Hock, 1987: 227)

Berkenaan asal-usul sistem Kapitan, Huang Cunshen (1965: ii) menyatakan bahawa pada abad ke-9, di tempat kediaman orang asing di Guangzhou 广州, telah wujudnya suatu sistem yang berupa Sistem Kapitan. Hsu Yun Tsiao (Xu Yunqiao 许云樵) pula mengatakan Syarikat Hindia Timur Belanda memulakan Sistem "Kapitein" nya oleh Su Minggang 苏鸣冈 pada tahun 1619 (Cui Guiqiang, 1976: 18). Cui Guiqiang juga menyentuh bahawa sistem Kapitan di Tanah Melayu bermula di Melaka semasa di bawah jajahan orang Portugis, kemudiannya sistem ini diteruskan oleh pemerintah Belanda (Cui Guiqiang, 1976: 18). Akan tetapi, apabila orang Inggeris datang ke Tanah Melayu, mereka secara beransur-ansur membatalkan sistem Kapitan di Negeri-negeri Selat (Huang Cunshen, 1965: 9). Dengan yang demikian, pada zaman itu, didapati Kapitan hanya dilantik di Negeri-negeri Bersekutu dan Negeri-negeri Tidak Bersekutu (Cui Guiqiang, 1976: 18).

2.2.2 Kapitan-Kapitan Cina di Kampung Cina

Kapitan Cina yang paling awal di Kelantan boleh dikesani menerusi catatan Hsieh Ching Kao dalam "Hailu". Cuba kita teliti apa yang diperkatakan oleh Hsieh Ching Kao tentang Kapitan :

"Mereka yang melibatkan diri dalam perlombongan emas jika ingin pulang ke negara China, maka perlu terlebih dahulu datang ke pengkalan untuk menghadiahkan satu tahlil emas kepada raja. Mereka yang terlalu tua dan tidak berupaya untuk mencari nafkah hidup dikehendaki membayar setengah daripada cukai itu, manakala yang miskin pula boleh dikecualikan daripada membayar cukai ini jika Kapitan Cina membantunya memohon pengecualian daripada raja. Kapitan itu ialah ketua orang Cina. Orang Cina yang tinggal di sekitar pengkalan semuanya dikecualikan pembayaran cukai bila mereka ingin pulang ke negara China." (Hsieh Ching Kao, "Hailu")

Kapitan Cina yang disebut oleh Hsieh Ching Kao ini seharusnya merujuk Kapitan di kawasan hulu Kelantan²² kerana hanya orang Cina di situ dikehendaki membayar cukai. Bagaimanakah keadaan orang Cina di sekitar pengkalan pula? Adakah mereka juga di bawah jagaan Kapitan pada masa kedatangan Hsieh Ching Kao? Keadaan tidak diketahui sehingga Kapitan Gan Chu Li dan Kapitan Wee Chai dilantik untuk mentadbir orang Cina di Kampung Cina pada tahun 1823.

Berbanding dengan Kapitan Gan Chu Li, Wee Chai dikatakan amat bertuah kerana papan nenek moyangnya masih dijaga dan disembah oleh cucu-cicitnya. Di

²² Berkenaan Kapitan Cina yang mentadbir di kawasan hulu Kelantan (Pulai), terdapatnya cerita bahawa seorang perompak Hakka yang bernama Chong Poh Chai (Zhang Baozi 張保仔) telah menjadi Kapitan di situ kira-kira 200 tahun dahulu (S. M. Middlebrook, 1933: 152) iaitu pada akhir abad ke-18 (Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, 1997: 197). Walau bagaimanapun cerita ini tidak dapat dibuktikan kebenarannya dan Cui Guiqiang dalam tulisannya "Jilandan De Huaren" (Orang Cina di Kelantan) mengemukakan fakta-faktanya untuk menafikan kebenaran cerita itu (Cui Guiqiang, 1976: 12).

Kemudiannya, Kapitan-Kapitan di Pulai yang boleh dikesani ialah Li Nenggui 李能貴 (meninggal dunia pada tahun 1904), beliau dilantik oleh Sultan Muhammad IV (mp 1899-1920); Zhong Yuefeng 钟月凤 (meninggal dunia pada tahun 1909); Lai Sanjia 楞三甲 (meninggal dunia pada tahun 1912); Wen Yasheng 文亚生 (dilantik pada tahun 1912); Zhong Tusheng 钟土生 (dilantik pada tahun 1914) dan kemudiannya Liew Chin Fu (Liu Jinfu 刘晋福 atau Liu Zhenfu 刘振福) (menantu kepada Zhong Tusheng; [mp] 1918-1934) (Wee Khoon Hock, 1964, 47 & 1987: 226). Untuk maklumat lanjutan, sila rujuk biodata ringkas Kapitan-Kapitan ini yang disimpan dalam Xie Tianping (Penyunting). 1979. *Malaxiya Huayi Renwu Cidian* (Kamus Tokoh-tokoh Cina di Malaysia) atau Lee Kam Hing & Chow Mun Seong (Penyunting). 1997. *Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia*.

Begitu juga dengan maklumat Kapitan-Kapitan Wee dan Kapitan-Kapitan Gan, biodata ringkas mereka boleh juga diperolehi daripada kedua-dua buah buku yang disebut sebelum ini. Sebenarnya kebanyakan maklumat di atas berasal daripada artikel Dato Dr. Wee Khoon Hock yang bertajuk "Jilandan He Huaren" (Kelantan dan Orang Cina) yang dihasilkan pada tahun 1964. Walau bagaimanapun, didapati kedua-dua buah buku itu telah membuat suatu kesilapan yang sama iaitu mencatat bahawa Kapitan Cheah Cheng Hooi ialah Kapitan kelima di kawasan hilir Kampung Cina padahal beliau sebenarnya ialah Kapitan yang keempat di situ (Wee Khoon Hock, 1964: 44) (sila lihat Rajah 5 pada Lampiran 5).

Berkenaan hal ini, penulis juga telah mendapat kepastian daripada Dato Wee Khoon Hock di tempat kediamannya di Kota Bharu, pada 8 Mei 1998, jam 3 petang. Selain itu, Tan Sin Jim, orang tua dari Kampung Cina juga amat pasti dengan peralihan kuasa dari keluarga Kapitan Wee kepada keluarga Kapitan Cheah di mana Cheah Cheng Hooi ialah orang yang dilantik selepas kematian Kapitan Wee Sun Yam (temubual pada 8 Mei 1998, jam 10 pagi di rumah kediamannya di Kampung Cina).

samping itu, tanah perkuburannya juga tidak pernah diusik orang dan masih berdiri teguh di Sungai Pinang, Tumpat walaupun 100 tahun telah berlalu.

Nasib yang menimpa Gan Chu Li agak menyedihkan. Selepas berlakunya banjir besar di Kampung Cina pada tahun 1958, papan nenek moyang beliau serta papan nenek moyang anak beliau (Kapitan Gan Chiu Tai [Yan Qiutai 颜秋泰]: 1834-1886, meninggal dunia pada usia 53 tahun) (lihat Lampiran 2.2.2) telah dipungut oleh Dato Dr. Wee Khoon Hock di tepi longgokan sampah-sarap di tepi jalan besar Kampung Cina. Peristiwa ini telah mencetuskan minat Dato Wee Khoon Hock untuk meninjau dan menulis karyanya tentang asal-usul orang Cina di Kelantan.

Pada hari ini, keturunan Kapitan Gan dikatakan telah tinggalkan Kampung Cina secara keseluruhannya. Tan Sin Jim memberitahu bahawa Kapitan-Kapitan Gan sebelum ini memiliki banyak tanah di Kampung Cina, tetapi beberapa puluh tahun yang lalu, mereka beransur-ansur menjualkannya (ada yang dijual kepada keturunan Kapitan Wee Chai), sehingga kini keturunan mereka tidak dapat dikesani lagi di Kampung Cina.²³ Selain itu, Tan Sin Jim juga memberitahu bahawa cicit kepada Gan Chu Li, iaitu Gan Yi Eng (Yan Yirong 颜懿荣) memeluk agama Islam pada usia yang

²³ Sebenarnya, Kapitan Gan Chiu Tai menggantikan tempat ayahnya sebagai Kapitan pada usia yang sangat muda iaitu semasa berumur 10 tahun (Cui Guiqiang, 1976: 20). Chiu Tai kemudiannya mengahwini empat orang isteri dan mempunyai anak-cucu yang ramai (lihat Lampiran 2.2.2). Kebelakangan ini, iaitu pada Disember tahun 1997 (*The China Press*, 15 Disember 1997), batu nisan Kapitan Gan Chiu Tai yang dilitupi oleh tanah-tanah telah dikeluarkan di daerah Tumpat. Di permukaan batu nisan yang diukir kata-kata Cina itu tercatat nama tujuh orang anak lelaki, lima orang anak perempuan dan nama empat orang cucu seperti apa yang tercatat di atas papan nenek moyang Gan Chiu Tai. Antaranya, terdapat nama Kapitan Gan yang ketiga, iaitu Kapitan Gan Siau Un (Yan Shaoyun 颜绍纭), selaku anak sulung Gan Chiu Tai yang dilantik oleh Sultan Muhammad III pada tahun 1889 dan memerintah selama setengah tahun sahaja; dan juga nama Kapitan yang keempat atau terakhir di bahagian hulu Kampung Cina, iaitu Kapitan Gan Siau Hun (Yan Shaofen 颜绍芬) yang juga dilantik oleh Sultan Muhammad III (mp 1880-1890) pada tahun 1889 (Wee Khoon Hock, 1964: 44). Gan Siau Hun kemudiannya meninggal dunia pada tahun 1913 (Wee Khoon Hock, 1964: 44), sejak itu, Sistem Kapitan tergendala di bahagian hulu Kampung Cina.

muda dan cicit perempuan Gan Chu Li yang dipanggil Mek Che (Maiqing 脉 青) tidak mempunyai anak.²⁴

Di bahagian hilir Kampung Cina pula, Kapitan Wee Chai yang berusia panjang telah memerintah dari tahun 1823 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1880, iaitu selama 58 tahun. Anaknya yang ketiga, Wee Liu Chang (Huang Liucong 黃 柳 构) (1850-1897, meninggal dunia pada usia 48 tahun) (lihat Lampiran 2.1.4 dan Lampiran 3.1) menyambung tempatnya setelah dilantik oleh Sultan Mulut Merah pada tahun 1880 juga. Walaupun Wee Liu Chang hanya memerintah selama 12 tahun sahaja (bersara pada tahun 1892), tetapi beliau merupakan Kapitan yang paling terkenal dan paling berkuasa pada zamannya (Wee Khoon Hock, 1964: 42).

Wee Liu Chang walaupun tidak dianugerahkan gelaran Dato sepertimana yang diperolehi ayahnya, tetapi beliau telah menerima anugerah yang lain, iaitu gelaran "Luang Changwang" (Langzhangyuan 邦 勇 员) (lihat Gambar 10 dan Gambar 11 pada Lampiran 4.2) yang diberi oleh raja Siam.²⁵ Pada zaman Liu Chang memerintah

²⁴ Maklumat diperolehi daripada Tan Sin Jim di rumahnya di Kampung Cina pada 1 Mei 1997, jam 11 pagi.

²⁵ Perkataan Cina ini diambil daripada batu nisan dan papan nenek moyang Wee Liu Chang (lihat Lampiran 2.1.4). Menurut sumber Melayu, "Luang" ialah gelaran diraja Siam yang pada kebiasaannya dipakai oleh putera-putera raja Siam (Mohd. Roselan, 1993: 7). Begitu juga di Kelantan, "Long" dengan sebutannya yang lebih kurang sama dengan "Luang" digunakan di kalangan kerabat diraja Kelantan, contohnya Long Yunus, Long Muhammad, Long Jenal, Long Senik dan sebagainya.

Didapati wakil-wakil Siam yang bertugas di Kelantan juga menggunakan gelaran "Luang". Sebagai contoh, Luang Son Seni yang berada di Kelantan pada sekitar tahun 1830, bertanggungjawab untuk memerhatikan gerak-geri dan kegiatan kerabat diraja di Kelantan. Jika perselisihan berlaku di antara mereka, wakil Siam ini perlu menyelesaikannya dengan menggunakan kebijaksanaannya (Rahmat Saripan, 1979: 121). Berdasarkan maklumat-maklumat ini, suatu rumusan boleh dibuat mengenai tugasan Wee Liu Chang, iaitu selain daripada memerintah orang Cina di kawasannya, beliau juga bertanggungjawab menjadi penasihat (监 督) (lihat Lampiran 2.1.4) Siam di Kelantan dalam melaksanakan tanggungjawab seperti yang dilakukan oleh Luang Son Seni.

Berkenaan "Changwang" pula, gelaran ini juga berkait rapat dengan gelaran diraja. Skinner (1966: 130-131) dalam tulisannya ada menyebut bahawa pada 30 Jun 1838, Sultan

iaitu dari tahun 1880 hingga ke tahun 1892, pengaruh Siam masih kuat di Kelantan. Kelantan menunduk kepada Siam yang pada masa itu diperintah oleh Rama V atau Chulalongkorn (mp 1868-1910).

Wee Liu Chang yang mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang politik malangnya tidak mempunyai anak kandungnya untuk mewarisi jawatan Kapitannya. Akhirnya, tumpuk pemerintahan Kapitan diberi kepada anak angkatnya, Sun Yam (Shunyan 顺炎) (1881-1894, meninggal dunia pada usia 14 tahun) (lihat Lampiran 2.1.8 dan Lampiran 3.1) (lihat Gambar 12 pada Lampiran 4.2). Sun Yam sebenarnya berasal daripada keluarga Tan di mana beliau ialah anak kepada kakak Liu Chang yang bernama Wee Mek Kian (nenek Tan Sin Jim).²⁶

Akan tetapi, secara tidak disangkanya, dua tahun kemudian, Sun Yam telah mati di dalam satu kebakaran minyak kerosin di tempatnya sendiri (Wee Khoon Hock, 1964: 44). Akhirnya, Wee Liu Chang terpaksa memberikan jawatan Kapitan ini kepada Cheah Cheng Hooi (Xie Qinghui 谢清辉) (1874-1908, meninggal dunia pada usia 35 tahun; lihat Lampiran 2.1.19 dan Lampiran 3.5) (lihat Gambar 37 dan Gambar 39 pada Lampiran 4.6) iaitu anak kepada adik perempuannya Wee Mek Nui.²⁷

Mulut Merah dalam suratnya kepada raja Siam "Phaya Phechaburi" (iaitu Raja Rama II yang memerintah dari tahun 1824-1851) telah membincangkan hal "Raja Changwang". Dengan itu, gelaran Luang Changwang yang diterima oleh Wee Liu Chang seharusnya tidak setakat berperanan sebagai wakil Siam sahaja tetapi berpangkat lebih tinggi dan kedudukannya mungkin setaraf dengan putera-putera raja Siam.

²⁶ Maklumat diperolehi daripada temubual dengan Tan Sin Jim di rumahnya di Kampung Cina, pada 12 April 1997, pukul 11 pagi.

²⁷ Rumah keluarga Cheah lebih terkenal sebagai Rumah Kapitan (甲必丹府), ia terletak di sebelah kanan rumah Kapitan Wee, kini rumah ini merupakan rumah yang paling bersejarah di Kampung Cina setelah rumah Kapitan Wee diruntuhkan untuk dibina semula.

Kapitan Cheah Cheng Hooi memulakan tugasannya pada tahun 1894, iaitu semasa beliau berusia 20 tahun. Pembinaan Rumah Kapitan sehingga dua tingkat telah menyebabkan Kapitan Cheah Cheng Hooi menjadi lebih terkenal lagi. Ini kerana pada zaman itu, Rumah Kapitan Cheah merupakan rumah pertama yang dibinanya setinggi dua tingkat²⁸ (lihat Gambar 32 dan Gambar 33 pada Lampiran 4.6).

Dengan adanya peralihan jawatan Kapitan ini daripada keluarga Wee kepada keluarga Cheah, maka perpindahan pucuk pimpinan dan perpindahan kuasa berlaku. Antara perbezaan yang lain ialah berkenaan latar belakang pendidikan di mana Kapitan Wee beraliran pendidikan Cina manakala Kapitan Cheah beraliran Inggeris. Perbezaan ini adalah disebabkan ayah Cheng Hooi iaitu Cheah Bun Leong (Xie Wenlong 谢文隆) (1850-1888, meninggal dunia pada usia 39 tahun; lihat Lampiran 2.1.18 dan Lampiran 3.5) yang dilahirkan di Pulau Pinang menerima pendidikan Inggeris di situ sebelum beliau mencari nafkah hidup di Kampung Cina.

Ekorannya, pada tahun 1907, Kapitan Cheah Cheng Hooi mendapat kebenaran Sir John Anderson, selaku Jeneral Negeri-negeri Selat masa itu untuk melawat ke semua bahagian di Kelantan secara bebasnya, dan bantuan serta perlindungan yang sewajarnya akan diberi kepadanya jika perlu (Cui Guiqiang, 1976: 20).

Cheah Eng Chong (Xie Rongzong 谢荣宗) (1901-1948, meninggal dunia pada usia 48 tahun; lihat Lampiran 3.5) (juga lihat Gambar 38 pada Lampiran 4.6), anak sulung kepada Cheah Cheng Hooi merupakan Kapitan yang terakhir di kawasan hilir

²⁸ Dalam upacara pembukaannya, dua keping papan besar yang masing-masing terukir dengan perkataan-perkataan *naizhan hengyu* 乃瞻衡宇 dan *baoshu* 宝树 telah dihadiahkan oleh tetamu-tetamu. *Naizhan hengyu* bererti “pandang atas untuk melihat rumah orang yang tinggi”, perkataan-perkataan ini secara tidak langsungnya menandakan kedudukan keluarga Cheah Cheng Hooi yang lebih tinggi daripada orang lain. *Baoshu* pula merujuk “nama keluarga Cheah” menunjukkan rumah ini dimiliki keluarga Cheah.

Kampung Cina. Beliau menjalani tugasan Kapitan sehingga akhir hayat. Selepas kematiannya, Kampung Cina tidak lagi dilantik Kapitan baru oleh orang Inggeris.

Sepanjang satu setengah abad sistem Kapitan dijalankan di Kampung Cina (tempoh ini bermula dari perlantikan Kapitan Gan Chu Li dan Wee Chai pada tahun 1823 sehingga kematian Cheah Eng Chong menandakan tamatnya sistem Kapitan di Kampung Cina), catatan mengenai Kapitan di Kampung Cina telah dijumpai di dalam tulisan pelawat asing yang mengunjungi Kelantan pada zaman dulu.

Munsyi Abdullah dalam tulisannya *Kisah Pelayaran Abdullah ka-Kelantan dan ka-Judah* telah menyebut tentang Kapitan Cina yang berada di Kelantan pada tahun 1837 (Kassim Ahmad, 1960: 69-73). Pada bulan keempat tahun itu, Abdullah bersama rombongannya dari Singapura tiba di Pulau Saba di kuala Sungai Kelantan. Pada masa itu, perperangan saudara yang sengit berlaku antara Long Senik (Sultan Mulut Merah) dengan Long Jenal, iaitu bapa saudaranya.

Raja yang sempat dijumpai oleh Abdullah ialah Long Jenal yang menguasai Pulau Saba pada masa itu. Raja ini telah melarang mereka daripada menyampaikan surat Jeneral Bonham yang dibawa dari Singapura untuk diberikan kepada musuhnya Long Senik:

“Tiada kita benarkan dan tiada kita berizin, karena bukan-nya dia empunya surat ini dan bukan ia Yang di-pertuan Kelantan; lagipun segala sungai sudah kita suroh tutup dan segala jalan pun sudah kita bebat; maka orang itu semua-nya sudah terkepong, dan sa-helai sireh sa-ringgit tiada boleh dapat dan segala makanan pun tiada.” (Kassim Ahmad, 1960: 69)

Kemudiannya, Abdullah bertanya lagi sama ada beliau boleh menghantar sepucuk surat kepada Kapitan Cina di situ. Raja juga tidak mengizinkan dan memberitahu bahawa:

“Kapitan China dan segala anak bini China2 semua-nya di-tangkap-nya, di-masukkan-nya ka-dalam kubu, sebab ia takut Kapitan China itu belot; dan jurutulis-nya di-bubohnya rantai gajah di-batang leher-nya, karena ia hendak lari; tiada diberi-nya berjumpa dengan sa-orang pun. Maka sekarang bagaimana hendak berjumpa dengan dia? Jikalau hendak mati, boleh-lah berjumpa.” (Kassim Ahmad, 1960: 72-73)

Kapitan Cina yang dikurung itu tidak dapat diketahui sama ada ialah Gan Chu Li atau Wee Chai. Apa yang boleh diperhatikan di sini ialah kesukaran hidup yang dihadapi oleh pendatang Cina dalam sebuah tempat asing. Walau bagaimanapun, perperangan saudara ini ditamatkan tidak lama kemudian, dan Long Senik yang digelar Sultan Mulut Merah menaiki takhta menjadi Sultan Muhammad II.

Beberapa tahun kemudian, sebuah artikel yang bertajuk “A visit to Trengganu and Kelantan in 1846” (Anon, 1993: 41-46) menyentuh suatu perkara yang agak sensitif iaitu berkenaan rampasan isteri Kapitan secara kekerasan oleh Raja Kechil pada zaman pemerintahan Sultan Mulut Merah. Anon menyatakan suami kepada perempuan yang dirampas itu ialah seorang pendatang Cina, beliau menjadi Kapitan banyak tahun dan meninggal dunia banyak bulan sebelum Anon tiba di Kelantan:

“Early on the 9th we went up once more, when the Rajah Kechil met us and said his brother was not prepared to receive us. He had us conducted to his own house, where his wife received us, and presented us with fruit, serees and sweetmeats. She is a very fine woman, between a Chinese and Malay, handsomer than any native woman I had seen in the Straits, and very lady-like in her manners. She is the mother of the Chinese Captain. Her late husband, a Chinaman, who died some months ago, was Captain for many years and at his death the Rajah Kechil seized her and took her to wife by force. This displeased her very much, not that she took any objection to the man but that it deprived her of the influence over the Chinese, about 1000 men, which she acquired on the death of her husband, her child being too young to undertake the duties of the office. The Chinese were equally enraged and expressed themselves very strongly on the subject when not in the presence of their ruler, but said they were obliged to submit.” (Anon, 1993: 44)

Anon juga mencatat mengenai Kapitan kecil yang berusia 14 tahun itu:

"On leaving the Rajah, the little Chinese Captain met us and begged we would partake of a dinner prior to our journey down the river. To this we assented and were very hospitably entertained by himself and followers. The lad is about 14 years of age, of an agreeable appearance, of a slight frame, marked by small pox, and partaking largely of his mother's manners. Three Chinese sat with us at dinner, and a crowd of inferiors sat in the room and looked on with curiosity." (Anon, 1993: 45)

Berdasarkan kejadian-kejadian di atas dan tahun artikel ini dihasilkan, maka amat jelasnya *Chinaman* itu merujuk Kapitan Gan Chu Li yang meninggal dunia pada tahun 1843 (lihat Lampiran 2.2.1). Kapitan kecil itu pula ialah Gan Chiu Tai, ini kerana pada tahun 1843, Chiu Tai yang dilahir pada tahun 1834 mencapai usia 10 tahun (Cui Guiqiang, 1976: 20). Apabila "banyak bulan berlalu", maka sampailah tahun 1846 dan Chiu Thye mencapai umur 13 atau 14 tahun (bergantung kepada tarikh hari jadinya).

Kemudiannya, hal-hal Kapitan tidak dapat dikesani lagi sehingga lah kedatangan pegawai British Frank Swettenham pada tahun 1875. Pada masa ini, Kapitan yang memerintah ialah Gan Chiu Tai di bahagian hulu dan Wee Chai di bahagian hilir. Swettenham mencatatkan layanan yang diberi oleh Kapitan Cina kepadanya:

"I went over the Town with the Capt. China. There is a large Bazaar where the buyers and sellers are principally women, thronged to a degree. The population is very dense indeed. Houses and gardens everywhere and an endless stream of people going up or down the river bank. The Capt. China declared there were 100,000 Malays, males, in and about Kalantan town: of Chinese in the country of Kalantan 2000. There is an opium and spirit farm in the hands of the Capt. China at \$2000 per annum. There is also a duty on salt, gambier, paddy, cotton and silk for sarong making and tobacco. Immense members of sarongs are made in Kalantan by both Malays and Chinese, especially the former. I went to the Capt. China's house, a mile down the river. A very good house indeed. He tells me there is a great deal of debt slavery in Kalantan. He himself has 40 debt slaves, and he asked me if I wanted to buy any. The Raja objects to cock-fighting and gambling. There is opium smoking amongst the Chinese but hardly any amongst the Malays." (F. A. Swettenham, 1997: 68)

Sungai yang disebut oleh Swettenham sudah pasti ialah Sungai Bodor yang membahagikan Kampung Cina dengan bandar Kota Bharu (lihat Peta 2 dan Peta 3 pada Lampiran 4.1). Pada zaman itu, jambatan yang menyambungkan kedua-dua

tempat ini belum didirikan, oleh itu, penduduk di kedua-dua kawasan itu menggunakan sampan untuk menyeberangi Sungai Bodor. Negeri Kelantan pada tahun 1875 telah beribu kota di bandar Kota Bharu (iaitu *town* yang disebut oleh Swettenham) selama 30 tahun. Kota Bharu menjadi tumpuan orang Melayu manakala Kampung Cina menjadi tumpuan orang Cina iaitu sebanyak lebih kurang 2000 orang.

Rumah Kapitan Cina yang dilawati Swettenham dikatakan berjarak satu batu dari tebing Sungai itu. Walaupun rumah Kapitan Wee Chai terletak lebih jauh dari tebing sungai jika dibanding rumah Chiu Tai, tetapi memandangkan rumah Kapitan Wee Chai dan rumah Kapitan Gan Chiu Tai terletak berdekatan,²⁹ maka sukar ditentukan Kapitan mana satu yang melayani Swettenham. Secara rasionalnya, Kapitan itu berkemungkinan besar ialah Gan Chiu Tai kerana Wee Chai pada tahun 1875 telah mencapai usianya yang tinggi iaitu 80 tahun. Jika Wee Chai ialah Kapitan yang menyambut Swettenham, maka biasanya ia akan digelar the *old Capt.* dalam tulisan di atas.

Menjelang abad ke-20, iaitu sekitar tahun 1901-1903, Frank Swettenham banyak menghurai dan membincangkan hal-hal di Kelantan kepada Pejabat Kolonial (*Colonial Office* atau C.O.). Antaranya surat "Swettenham to C.O., 15 September 1902" ada membincangkan duti impot dan duti ekspot yang dikutip oleh seorang Kapitan yang tinggal di kuala Sungai Kelantan:

"The import and export dues, on the other hand, were, during his [Tuan Long Senik, iaitu Sultan Muhammad IV] reign, farmed out to a Capitan China who resided at the mouth of the Kelantan River, some 12 miles from the Raja's headquarters. The charge of 3% on imports and 3% on exports as duties for which the Capitan China paid the raja a fixed monthly rental amounting to \$7000 a year for the right to collect import

²⁹ Menurut Tan Sin Jim (13 April 1997, jam 2 petang, di rumahnya di Kampung Cina), pada masa dahulu, kawasan tanah Kapitan Gan amat luas, ia sebenarnya bersebelahan dengan kawasan tanah Kapitan Wee, dan rumah Mek Kian yang kini didiami Tan Sin Jim terletak di sempadan kedua-dua kawasan ini. Jadi, jarak antara rumah moyang Kapitan Gan dan rumah moyang Kapitan Wee sebenarnya tidak jauh, iaitu kurang daripada setengah kilometer.

dues and \$7000 for export dues annually.” (C.O. 273/283: Swettenham to C.O., 15 september 1902: f. 806) (Shahril Talib, 1995: 25)

Dalam surat “Swettenham to C.O., 7 October 1902” pula, tercatat Kapitan itu mempunyai seorang kerani bernama Chui yang menolongnya menyimpan rekod-rekod mengenai penerimaan duti impot dan ekspot yang diterima dalam bahasa Cina:

“He had a small office with a clerk named Chui and kept written records in Chinese script of the import and export duties received giving dates of arrival, the vessel owner and the amount of duty paid. These rates of custom duties differed from ruler to ruler and was previously as high as 6% ad valorem on imports.” (C.O. 273/284: Swettenham to C.O., 7 October 1902: f. 32 dan f. 43) (Shahril Talib, 1995: 26)

Pada tahun sekitar 1901-1903, Kapitan Cina di kuala Sungai Kelantan masih terdiri daripada dua orang, iaitu Cheah Cheng Hooi di kawasan hilir Kampung Cina dan Gan Siau Hun di kawasan hulu. Sekali lagi, adalah sukar untuk kita tentukan Kapitan yang mana satukah yang diberi kuasa untuk mengutip cukai-cukai itu. Berdasarkan pandangan Tan Sin Jim dan Wee Khoon Hock, mereka berpendapat bahawa Kapitan Wee dan Kapitan Cheah memang lebih kaya dan lebih berkuasa berbanding Kapitan Gan,³⁰ dengan itu, Kapitan tersebut seharusnya ialah Cheah Cheng Hooi kerana beliau memang lebih terkenal jika dibanding dengan Kapitan Gan Siau Hun terutamanya selepas pendirian Rumah Kapitan dua tingkat itu.

Tambahan pula, memandangkan jawatan Kapitan di bahagian hulu Kampung Cina tidak lagi dilantik selepas kematian Kapitan Gan Siau Hun pada tahun 1913, ini secara tidak langsungnya menandakan kedudukan Kapitan Gan sudah menjadi kurang penting. Menurut Tan Sin Jim, pada masa Gan Siau Hun menjadi Kapitan (mp 1889-

³⁰ Temubual dengan Tan Sin Jim dijalankan pada 8 Mei 1998, jam 10 pagi di rumahnya di Kampung Cina manakala temubual dengan Dato Wee Khoon Hock dijalankan pada 8 Mei 1998, jam 3 petang di rumahnya di Jalan Hamzah, Kota Bharu.

1913), rumah Kapitan Gan pernah mengalami keruntuhan menyebabkan ramai orang cedera parah.³¹

Pada tahun 1902, pemerintah Siam Chulalongkorn (1853-1910) menghantar W. A. Graham, seorang Inggeris untuk menjadi penasihat Siam di Kelantan. Graham berkhidmat di Kelantan sehingga tahun 1909 sahaja kerana pada tahun itu juga, Perjanjian Bangkok telah menyebabkan Siam menarik diri secara keseluruhannya dari negeri Kelantan.

Graham ialah orang pertama yang menulis secara menyeluruh tentang Kelantan. Dalam tulisannya, beliau menyebut bahawa terdapatnya seorang Kapitan di Kampung Cina dan pemerintahan Kapitan ini baik dan berperikemanusiaan:

"Upon an island separated from the west of the town by a narrow creek is situated the Chinese quarter or Kampong Cina. Here beneath the benevolent sway of the Captain China some 1000 Chinese here they are allowed to keep pigs, gamble, and drink, as their manner is, all unmolested." (W. A. Graham, 1908: 28-29)

Sekali lagi, Kapitan itu seharusnya merujuk Kapitan Cheng Hooi dan bukannya Kapitan Siau Hun. Pada zaman ini, bilangan penduduk Kampung Cina telah berkurangan secara banyaknya akibat perpindahan keluar orang Cina ke bandar Kota Bharu (J. Waterstradt, 1903: 1-2; W. A. Graham, 1908: 28-29). Tanda-tanda kemerosotan Kampung Cina menjadi amat jelas sekali. Pada masa Graham, orang Cina di luar Kampung Cina berjumlah 7000 orang (W. A. Graham, 1908: 28-29) menunjukkan kepentingan Kampung Cina sebagai kawasan tumpuan orang Cina semakin hari semakin kurang.

³¹ Maklumat diperolehi daripada temubual dengan Tan Sin Jim di rumahnya di Kampung Cina, pada 12 April 1997, pukul 11.30 pagi.

Apabila orang Inggeris mengambil alih pemerintahannya di Kelantan, Sistem Kapitan walaupun diteruskan, tetapi kuasa Kapitan dikurangkan dengan banyaknya. Sebagai contoh kuasa mengutip cukai impot dan ekspot yang sebelum ini diberi kepada Kapitan Cina kemudiannya diambil alih oleh kerajaan (Shahril Talib, 1995: 226-227). Pada zaman ini, Kapitan Cheah Eng Chong, selaku Kapitan Kampung Cina yang terakhir sebenarnya kurang berperanan penting dalam masyarakat Kota Bharu.

Kapitan lain di Kelantan yang sezaman dengan Cheah Eng Chong ialah Liew Chin Fu di Pulai. Liew Chin Fu dilantik pada tahun 1918 oleh Sultan Muhammad IV, iaitu 10 tahun selepas Eng Chong dilantik. Pada tahun 70-an, Chin Fu merupakan Kapitan Cina terakhir yang masih hidup di Malaysia (S. M. Middlebrook, 1933: 156).

Antaranya, bidang-bidang kuasa Liew Chin Fu ialah menyelesaikan perselisihan antara orang Cina. Beliau berkuasa menjatuhkan hukuman bagi kes kecil yang tidak melebihi denda \$100:

"He is permitted to settle disputes amongst the Chinese. As a magistrate he may hear civil cases involving sums of not more than \$100. He can hear voluntary hurt but no grievous hurt cases, or 'cases with weapon', or those in which there are broken bones or serious injuries. He can also hear private summons cases providing both parties agree." (S. M. Middlebrook, 1933: 155)

Selain daripada kuasa di atas, seperti Kapitan-Kapitan sebelumnya, Liew Chin Fu tidak menerima gaji tetapi berkuasa untuk menjalani kegiatan perjudian, memiliki lesen penjualan arak serta mempunyai lesen membeli emas (S. M. Middlebrook, 1933: 156)

S.M. Middlebrook dalam temuramah dengan Liew Chin Fu pada tahun 1933 mendapati Liew Chin Fu kurang tahu tentang sejarah Pulai pada masa dahulu (S. M. Middlebrook, 1933: 153). Menurut Cui Guiqiang (1976: 19), Kapitan Liew Chin Fu

tidak disukai oleh orang Cina tempatan kerana beliau sentiasa menyalahgunakan kuasanya untuk menindas orang Cina di situ. Akhirnya penduduk di situ amat marah dan mahukan Kapitan Liew Chin Fu dilucutkan. Mungkin disebabkan hal inilah, Liew Chin Fu bersara lebih awal pada tahun 1934 semasa beliau berusia 41 tahun.

2.3 Sosioekonomi Masyarakat Cina di Kampung Cina

Hari ini, Kampung Cina sebagai salah satu petempatan awal orang Cina di Kelantan, telah diduduki selama lebih daripada 200 tahun. Dalam tempoh masa yang panjang ini, bagaimanakah perubahan masa telah memberi perubahan kepada aspek sosioekonomi masyarakat Cina di situ?

Pada mulanya, Kampung Cina dikuasai oleh Raja Muda Penambang. Beliau ialah orang yang bertanggungjawab membenarkan orang Cina membuat petempatan di kawasan ini. Selepas kematiannya, tempat beliau diambil alih oleh anaknya Tengku Cik yang bergelar Tengku Panglima Raja dan dikenali juga sebagai Raja Peranak. Pada masa inilah dipercayai tanah-tanah di Kampung Cina mulai dijual kepada orang Cina (Azhani Abdul Rahman, 1997: 8-9).

2.3.1 Komposisi Penduduk di Kampung Cina Hari Ini

Sebahagian daripada penduduk asal (Cina) Kampung Cina datang terus dari negara China. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan catatan dalam “Hailu”, iaitu

orang Cina yang datang ke Kelantan beratus-ratus jumlahnya setiap tahun pada akhir abad ke-18 (Hsieh Ching Kao, "Hailu"; M. W. F. Tweedie, 1953: 218).

Selain itu, wujud juga kemungkinan bahawa orang Cina Kampung Cina berasal dari Patani di selatan Siam seperti yang dibincangkan pada awal bab ini. Apabila kekacauan meletus di Patani, mereka meninggalkan kawasan itu ke sebuah pekan kecil bernama Legeh yang terletak bersempadan dengan negeri Kelantan. Mereka masuk ke Sungai Pergau dan terus ke Sungai Kelantan (Hanafi Dollah, 1986: 30). Dari sini, mereka membina petempatan di tebing Sungai Kelantan dan terus menetap di situ. Peristiwa ini dianggarkan berlaku sekitar abad ke-17 dan ke-18 semasa orang Melayu Patani menentang kerajaan Siam (Chua Hian Chong, 1991: 30).

Dari segi bilangan kasar penduduk Kampung Cina, didapati terdapat sebanyak 1000 orang lelaki di bahagian hulunya pada tahun 1846. Angka ini dimaklumkan oleh bekas isteri Kapitan Cina kepada Anon yang melawat ke rumah Raja Kechil (Anon, 1993: 11). Kemudiannya, Swettenham dalam lawatannya ke Kelantan pada tahun 1875 juga diberitahu oleh Kapitan Cina bahawa terdapatnya 2000 orang penduduk Cina di Kelantan (F. A. Swettenham, 1997: 68). Walau bagaimanapun, Graham pada tahun 1908 telah menganggarkan bilangan penduduk di Kampung Cina sebanyak 1000 orang di bawah jagaan seorang Kapitan Cina (W. A. Graham, 1908: 29).

Di Jabatan Perangkaan negeri Kelantan, bilangan penduduk Cina di Kampung Cina yang terkini tidak dapat diperolehi secara langsung. Ini kerana kawasan Kampung Cina dibahagikan ke dalam 4 kawasan banci penduduk (BP) yang berlainan, iaitu BP 0302002 (kawasan sebelah kiri Jalan PCB dari arah Kota Bharu, termasuk Tokong Mazu), 0302003 (kawasan sebelah kanan Jalan PCB dan kawasan kiri Jalan Mustapha dari arah Kota Bharu, termasuk Rumah Kapitan Cheah), 0302004 (kawasan

kanan Jalan Mustapha dari arah Kota Bharu) dan 0302027 (kawasan Jalan Kampung Cina, termasuk Pasar Gok Kapor).

Bagi setiap kawasan BP ini, terdapatnya peta-peta lukisan tangan yang dilengkapi dengan kedudukan setiap rumah. Semua rumah ini diberi bilangan nombor untuk dirujuk nama ketua rumah dan bilangan ahli dalam rumah itu. Senarai-senarai nama ini telah memudahkan kerja menghitung bilangan keluarga Cina dan bilangan penduduk mengikut bangsa di keempat-empat kawasan BP itu. Berikutnya ialah bilangan penduduk Cina yang terkini (iaitu pada tahun 1995) di Kampung Cina:

Jadual 1: Bilangan penduduk Kampung Cina 1995

Kawasan BP	Cina (bil.keluarga)	Bangsa	
		Melayu	India
BP 0302002:	319 (57)	273	1
BP 0302003	178 (20)	348	0
BP 0302004	129 (21)	419	0
BP 0302027	209 (37)	428	0
 Jumlah	 835 (135)	 1468	 1

Sumber: Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

Jelasnya, bilangan penduduk Cina di Kampung Cina bukan sahaja tidak meningkat, tetapi berkurangan jika dibanding bilangan penduduknya pada awal abad ke-20. Walau bagaimanapun, bilangan penduduk yang terdiri daripada 835 orang ini

jika dibanding dengan bilangan penduduk Melayu di keempat-empat BP itu, peratusannya mencapai 36.2%. Peratusan ini boleh dikatakan agak tinggi kerana memang telah diketahui umum bahawa bilangan penduduk Cina di Kelantan hanya menduduki peratusan yang amat kecil iaitu 4% sahaja seperti yang ditunjuk berikut:

Jadual 2: Anggaran penduduk Kelantan 1996 (Jumlah besar: 1411100)

Bumiputera	Cina	India	lain-lain	Bukan warganegara Malaysia
91%	4%	<0.5%	1%	4%
1277100	60800	6400	12100	54700

Sumber: Anggaran Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Daerah, 1996
Jabatan Perangkaan Malaysia (lihat Jadual 5 pada Lampiran 5)

Di Kelantan, orang Cina walaupun lebih tertumpu di bandar Kota Bharu, tetapi peratusannya hanya mencapai 6.9% daripada jumlah penduduk di Kota Bharu seperti berikut:

Jadual 3: Anggaran penduduk Kota Bharu 1996 (Jumlah besar: 434540)

Bumiputera	Cina	India	lain-lain	Bukan warganegara Malaysia
90.1%	6.9%	0.5%	0.4%	2.1%
391650	29750	2150	1900	9090

Sumber: Anggaran Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Daerah, 1996
Jabatan Perangkaan Malaysia (lihat Jadual 5 pada Lampiran 5)

2.3.2 Bahasa Pertuturan dan Pendidikan

Di Kampung Cina, bahasa am yang boleh dipertuturkan oleh semua penduduk Cina ialah dialek Hokkien (bunyinya berbeza dengan dialek Hokkien di negeri-negeri lain di Malaysia) kerana orang Cina Kelantan memang paling ramai terdiri daripada orang Hokkien. Di Jalan Mustapha Kampung Cina, keadaannya berlainan sedikit kerana di sini terdapatnya ramai orang Kantonis. Mereka ini pada asalnya bukan orang Kampung Cina, tetapi berpindah beramai-ramai ke situ dari kawasan berhampiran Jabatan Kastam pada tahun-tahun 40-an di bawah arahan kerajaan.³²

Bahasa kedua yang paling fasih dipertuturkan ialah loghat Kelantan, iaitu bahasa Melayu yang khas dipertuturkan oleh orang Kelantan. Kemahiran berbahasa Melayu ini terhasil kerana orang-orang Kampung Cina mempunyai peluang interaksi yang banyak dengan penduduk Melayu di sekitarnya memandangkan Kampung Cina dikelilingi oleh perkampungan Melayu seperti Kampong Gok Kapor, Kampong Penambang, Kampong Tengku Panglima dan sebagainya.

Bahasa ketiga yang banyak dipertuturkan oleh golongan tua ialah bahasa Thai (nama lamanya Siam) pasar. Hubungan Thai dengan Kelantan bermula sejak beratus-

³² Maklumat diperolehi daripada temubual dengan seorang perempuan tua (usianya 69 tahun pada tahun 1996) yang nama keturunannya Huang 黄. Temubual diadakan di rumahnya di Jalan Mustapha, Kampung Cina pada 4 Mei 1996, jam 4 petang. Perempuan ini dilahirkan di wilayah Kwangtung di negara China dan berhijrah ke Tanah Melayu pada usia 8 tahun bersama ibu dan kakaknya.

Suaminya yang mempunyai nama keturunan Tan 陳 juga dilahirkan di Tanah Besar China dan tiba di Tanah Melayu pada usia 11 tahun (beliau 10 tahun lebih tua daripada isterinya, meninggal dunia pada usia lebih daripada 70 tahun). Perempuan Huang ini juga memaklumkan bahawa suaminya pernah menghadiri kelas pendidikan tidak rasmi di tempat pembelajaran swasta (*sishu 私塾*), jadi beliau banyak membaca, terutamanya karya-karya klasik (*guwen 古文*) dan *Sanzijing* 三字经 (Kitab Berperkataan Tiga Patah ini merupakan salah sebuah teks pendidikan asas bagi orang Cina tradisi). Ekorannya, suaminya sentiasa memaksa anak-anaknya untuk belajar, kerana baginya, hanya orang yang banyak belajar sahaja akan berjaya dalam hidup mereka. *Sanzijing* boleh didapati dalam Liu Dazhi, 1992: 1-38

ratus tahun dahulu. Seperti yang disebut sebelum ini, Patani yang terletak di selatan Thai pernah didiami oleh orang Cina dengan banyaknya. Hubungan baik antara negara Thai dengan negeri Kelantan menyebabkan tiada sekatan untuk orang-orangnya masuk dan keluar dari dua kawasan itu. Hsieh Ching Kao pada akhir abad ke-18 sudah memaklumkan bahawa ramai wanita Siam berkahwin dengan pendatang Cina kerana orang Cina dilarang mengahwini wanita Melayu (Hsieh Ching Kao, "Hailu" ; M. W. F. Tweedie, 1953: 217).

Hari ini, didapati wanita Cina Hokkien di Kampung Cina yang melebihi usia 50 tahun dan ke atas banyak menunjukkan pengaruh Siam dan pengaruh Melayu dalam cara hidup mereka seperti dari segi pertuturan, pakaian, makanan dan sebagainya (PPCK, 1996: 1). Bagi aspek pakaian, pemakaian kain sarung paling menonjol iaitu ia dipakai sama ada ketika berada di rumah atau keluar menziarahi orang. Dari segi makanan pula, adalah biasa bagi mereka untuk menghidangkan budu, ulam seperti jering atau petai (PPCK, 1987: 2). Walau bagaimanapun, setelah pemerhatian dibuat ke atas empat buah keluarga di situ, didapati mereka jarang makan dengan tangan melainkan semasa menjamu nasi kerabu (warnanya hijau) yang dimasak oleh mereka sendiri.³³

³³ Sebagai tambahan, kebanyakan orang Cina (terutamanya golongan Hokkien) di Kampung Cina boleh dikategorikan sebagai Cina Peranakan Kelantan ekoran dari sejarah penetapan nenek moyang mereka yang lama iaitu sejak akhir abad ke-18 seperti keluarga keturunan Wee Chai. Namun, mereka memaparkan banyak perbezaan jika dibanding dengan Cina Peranakan yang tinggal di kampung-kampung orang Cina yang lain seperti Kampung Bekelam di Bachok, Kampung Sabak di Kota Bharu, Kampung Mata Air di Machang dan sebagainya.

Keseluruhananya, penduduk Kampung Cina berpendidikan Cina dan memahami bahasa Cina. Bagi mereka yang pernah memasuki *sishu* iaitu sekolah tidak rasmi traditional, mereka pandai membaca dan menulis dalam bahasa Cina klasik seperti Tan Beng Chin (Chen Mingjin 陈明进) (1872-1964, anak Mek Klan iaitu ayah kepada Tan Sin Jim) (lihat Lampiran 2.1.15 dan Lampiran 3.3) (lihat Gambar 18 pada Lampiran 4.4), Tan Sin Jim, Tan Kui Kap (Chen Guijia 陈癸甲) (abang Tan Sin Jim) (lihat Lampiran 3.3), Wee Yeu Hui dan lain-lain lagi.

Dengan itu, orang Kampung Cina di Kota Bharu memperlihatkan sifat dan gaya hidup orang Cina yang lebih tulen walaupun ada antara mereka memang biasa dengan pemakaian

Penggunaan bahasa Cina dikatakan sederhana di Kampung Cina. Bagi golongan tua, bahasa Cina jarang dituturkan walaupun ada antara mereka memang faham tentang bahasa Cina. Sebagai contoh, Tan Sin Jim yang lahir pada tahun 1918 walaupun pernah menghadiri sekolah Cina selama beberapa tahun di bahagian sekolah rendah dan mempunyai penguasaan bahasa Cina yang tinggi, tetapi beliau jarang menggunakan bahasa Cina bila berkomunikasi dengan orang lain.

Sebenarnya, Tan Sin Jim bukan sahaja memahami bahasa Cina moden, tetapi beliau juga mahir dalam bahasa Cina klasik. Minat beliau dalam pendidikan Cina dikatakan mendapat pengaruh daripada ayahnya Tan Beng Chin. Tan Beng Chin ialah cucu Kapitan Wee Chai dan beliau merupakan salah seorang pengasas Sekolah Chung Hwa Kota Bharu pada awal abad ke-20 (JZQJ, 1988: 25).

Orang Cina di Kampung Cina kebanyakannya berpendidikan Cina, iaitu mendapat pendidikan di Sekolah Chung Hwa yang terletak berdekatan dengan Kampung Cina. Kekecualian kelihatan pada keluarga Kapitan Cheah di mana anak dan cucu kepada Kapitan Cheah Cheng Hooi seperti Kapitan Cheah Eng Chong dan adiknya Cheah Eng Teng (Xie Rongting 谢荣廷) (lihat Lampiran 3.5), anak angkat Cheng Hooi iaitu Cheah Cheng Ean (Xie Qingyuan 谢清渊) (lihat Lampiran 3.5), seterusnya Cheah Phee Aik (Xie Piyi 谢丕益) (lihat Lampiran 3.5), Phee Thiam, Phee Hian (Pixian 丕显) (lihat Lampiran 3.5) dan lain-lain lagi, semuanya menerima pendidikan Inggeris. Dengan itu, bila temubual dijalankan dengan Cheah Phee Thiam,

kain sarung. Salah satu sebabnya ialah kerana kedudukan Kampung Cina terletak di bandar yang terdiri daripada ramai penduduk Cina (secara bandingan dengan bilangan orang Cina di daerah yang lain di Kelantan). Juga, didapati orang Cina Kampung Cina kurang mengadakan perkahwinan campur antara orang Cina dengan orang Siam. Ekorannya, asimilasi dengan budaya Melayu dan budaya Thai agak kurang berbanding Cina Peranakan di Kelantan yang lain. Untuk maklumat lanjutan mengenai Cina Peranakan di Kelantan, sila baca Tan Chee Beng. 1982. "Peranakan Chinese in Northeast Kelantan, with Special Reference to Chinese Religion". Volume 55. Part 1: 26-52.

bahasa Inggeris digunakan pada kebanyakan masa dicampuri dengan dialek Hokkien tempatan.

Kini, generasi muda di Kampung Cina walaupun mendapat pendidikan Cina, tetapi bahasa Cina jarang-jarang digunakan sebagai alat komunikasi dengan ahli-ahli keluarga. Walau bagaimanapun, apabila berhadapan dengan pengkaji yang biasa bertutur dalam bahasa Cina, mereka tidak menghadapi sebarang masalah juga dalam penggunaan bahasa ini.

2.3.3 Kegiatan Ekonomi di Kampung Cina

Pada masa ketibaan Hsieh Ching Kao di ibu kota raja Kelantan pada akhir abad ke-18, orang Hokkien di situ menjalani kegiatan perniagaan kecil-kecilan dan juga kegiatan pertanian seperti menanam lada hitam, gambir dan lain-lain lagi.

Bagaimana dengan keadaan di Kampung Cina pula? Graham apabila berada di Kelantan pada awal abad ke-20 tidak menyentuh sebarang hal pertanian di Kampung Cina, tetapi berkenaan kegiatan ekonomi, dinyatakan kebanyakannya telah berpindah ke kawasan bandar, seperti pemberian jam, jahit-jahitan baju, pertukangan kayu, pemborongan barang-barang dan lain-lain lagi; yang tinggalnya hanyalah kegiatan seperti “pemeliharaan babi dan penjualannya, kerja-kerja tukang besi, mencelup kain-kain dan sebagainya.” (W. A. Graham, 1908: 28-29)

Hari ini, pada akhir abad ke-20, kegiatan ekonomi di Kampung Cina tidak lagi dijalankan oleh kaum Cina sahaja tetapi juga oleh kaum Melayu. Kaum Melayu

Kelantan terutamanya golongan wanita memang terkenal dengan penglibatan dalam perniagaan kecil-kecilan. Sebelum tahun 1998, di persimpangan Jalan Gok Kapor dengan Jalan Kampung Cina, pasar tani diadakan pada setiap petang hari sehingga lewat senja. Penjaja-penjaja ini kebanyakannya ialah Kaum Melayu, mereka menjual pelbagai sayur-sayuran, ikan-ikan, buah-buahan dan barang-barang keperluan lain. Kebelakangan ini mereka telah diarahkan untuk menjalani kegiatan penjualan mereka di Pasar Gok Kapor yang terletak di tepi Jalan Kampung Cina. Pasar Gok Kapor sebenarnya telah siap dibina lebih daripada 10 tahun dahulu tetapi ditinggal kosong sehingga perpindahan ini dijalankan.

Selain itu, di sepanjang Jalan Gok Kapor yang berdekatan dengan Jalan Mustapha, terdapatnya beberapa buah kedai di dalam sebuah bangunan yang agak baru, yakni kedai roti, kedai perabot rumah dan sebagainya. Pekedai-pekedai ini kebanyakannya bukan berasal dari Kampung Cina, mereka hanya menyewa tempat ini untuk menjalani perniagaan sahaja. Di bahagian hujung Jalan Mustapha, terdapat pula sebuah kilang batik yang dimiliki oleh orang Cina.

Bagi keturunan Wee Chai pula, Wee Keng Lam menjalani perniagaan kelapa kering yang membawa hasil lumayan kepada mereka. Selain itu, abang kepada Keng Lam iaitu Pek Yong (Boyang 柏 杨) (lihat Lampiran 3.1) dan anak-anaknya menjalani penjualan alat-alat pelengkap elektrik di rumah kedai yang didirikan di atas tanah moyang. Selain itu, kedai Sri Kembangan Aluminium dibuka oleh Wee Yan Yin, generasi keenam Kapitan Wee Chai.

Heng Bee Saw Mill pula dikendali oleh Wee Soh Cheng (Huang Shuzhen 黄淑贞) (lihat Lampiran 3.3), juga generasi keenam Kapitan Wee Chai di Kampung Cina. Antaranya, perniagaan kelapa kering ialah perniagaan tradisi yang bermula pada

zaman Kapitan Wee Chai. Kegiatan tradisi yang lain seperti pemeliharaan kinzir dan penjualan borong dagingnya di Kampung Cina untuk memenuhi keperluan orang Cina di Kota Bharu.

2.3.4 Agama dan Kepercayaan

Orang Cina di Kampung Cina sama ada aliran Cina atau aliran Inggeris (penganut Kristian dikecualikan), semuanya boleh dikatakan ialah penganut kepada "tiga agama" , iaitu "agama Taoisme, agama Buddha dan agama Konfusianisme." ³⁴ Di Kampung Cina, agama Taoisme merujuk kepada penyembahan

³⁴ Agama Taoisme berasal daripada pemikiran Taoisme di mana pengasasnya Laozi dilahirkan pada 604 S.M. di Hunan, negara China. Walau bagaimanapun, "Taoism did not become an organised religion until 430 A.D. when Kou Qian Zhi standardised the Taoist ceremonies and deities." (Evelyn Lip, 1986: 28) Proses pembentukan agama Taoisme sebenarnya bermula dari tahun 143 M di bawah usaha seorang ketua agama yang terkenal: "In 143 A.D., a popular religious leader named Zhang Dao Lin initiated a movement called the Huang Di-Lao Zi, which combined sorcery with the philosophy of the yin-yang school and some elements of Taoism. Other leaders introduced alchemy and astrology to Taoism. One hundred years later, Ge Hong, a philosopher, synthesised Taoism with Confucian ethics." (Evelyn Lip, 1986: 28)

Agama Buddha pula membentuk sebahagian daripada falsafah Cina bagi tempoh masa menghampiri 2000 tahun: "Buddhism has been an important part of Chinese philosophy for nearly 2000 years. During the sixth century, it was embraced by the emperor and has flourished in China and other parts of Asia ever since. The religion is named for Gautama Buddha, the Enlightened One, whose real name was Siddartha. Although he was the son of an Indian chieftain, he willingly gave up his life of luxury and riches to search for a means of overcoming the poverty and suffering he observed around him. After making tremendous sacrifices and going through many kinds of physical torment for six years, he attained enlightenment under a bodhi tree." (Evelyn Lip, 1986: 19)

Berkenaan agama Konfusianisme pula, Konfusianisme sebenarnya bukan suatu agama: "Confucianism is not a religion in the same sense as Taoism and Buddhism because it does not explain or preach the belief in the supernatural world. To some extent, however, Confucianism acts as a religious practice because it deals with the rules of life, e.g. how the Chinese should treat their ancestors. In this way, it is closely linked with ancestor worship." (Evelyn Lip, 1986: 40) Dengan itu, apabila Konfusianisme dipandang sebagai suatu agama, maka ia sebenarnya merujuk kepada aspek penyembahan kepada nenek moyang.

patung-patung berhala seperti Mazu, Guandi 关帝³⁵ dan sebagainya; agama Buddha pula rujuk khasnya kepada Guanyin dan terdapat hanya segelintir penduduk yang menyembah Gautama Buddha (釋迦牟尼). Agama Konfusianisme di sini merujuk ertian yang sempit iaitu penyembahan kepada nenek moyang.

Berdasarkan kertas-kertas soal selidik yang dipungut balik, didapati 90% responden menyatakan mereka ialah penganut agama Buddha. Antaranya, ada yang pernah mengunjungi Wat Siam (kuil Buddha Siam) untuk memberi penghormatan kepada sami-sami; ada yang pernah mendengar ucapan-ucapan daripada sami-sami Buddha berkenaan ajaran Buddha; tetapi pada masa yang sama, mereka juga kuat menyembah kepada patung-patung berhala Taoisme agar keselamatan dan kesihatan diri bersama keluarga dapat dikekalkan selalu. Bagi penyembahan nenek moyang pula, mereka berpendapat ini hal yang amat penting yang dipesan oleh orang tua dulu, jadi perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Ada juga responden seperti Kang Sin Khai (Jiang Chenkai 江辰开) (lihat Lampiran 3.3) yang memang tidak percaya kepada penyembahan berhala atau penyembahan Buddha. Baginya, keyakinan harus terletak pada diri sendiri dan bukannya benda lain. Walau bagaimanapun, beliau sentiasa memberi penghormatan yang tinggi kepada papan nenek moyang nenek moyang kerana beliau berpendapat bahawa, tanpa nenek moyang, maka tidak wujudlah diri beliau dan tidak wujudlah

³⁵ Nama Guandi yang asal ialah Guan Yu 关羽 (162-220 M). Beliau ialah seorang pahlawan yang terkenal pada zaman Sanguo 三国 (Tiga Negara atau *the Three Kingdoms*). Selepas beliau mati dibunuh oleh musuhnya, “he was canonised 900 years later by the Song Emperor and finally, in 1594, was proclaimed a god.” (Evelyn Lip, 1986: 48) Hari ini, banyak daripada rumah orang Cina memuja gambar atau patung berhala Guandi: “In almost every house there is an altar on the wall containing a picture of Kuan Ti, the red-faced God of War. It always faces the entrance for demons and evil spirits do not dare to enter into his presence.” (Jonathan Chamberlain, 1988: 47)

rumah moyang yang kini didiami oleh seisi keluarganya iaitu sekurang-kurangnya 12 orang anak dan cucunya.³⁶

³⁶ Temubual dijalankan di rumah moyang Kang Sin Khai di Kampung Cina pada 6 Mei 1998, jam 1 petang.